

SELCAT Mahu Siasat Konsensi Berat Sebelah di KUIS

July 9, 2012 (<https://selangorkini.my/2012/07/selcat-mahu-siasat-konsensi-berat-sebelah-di-kuis/>)

SHAH ALAM 09 JULAI : Jawatankuasa Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) akan mempertimbangkan untuk mengadakan sesi pendengaran awam tentang penyelewengan di dalam dalam pembinaan asrama Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Azmin Ali (Bukit Antarabangsa-PCR) berkata ia perlu diambil perhatian supaya memberikan maklum balas agar tidak diputar belitkan oleh mana-mana pihak lain.

“Ahli Jawatankuasa akan mempertimbangkannya dan tindakan perlu diambil kepada mereka yang bertanggungjawab dalam isu penyelewengan itu,” katanya semasa membahas rang undang undang pertambahan belanjawan 2012 di dalam sidang Dewan Negeri Selangor hari ini.

Sebelum ini, Pengarah Strategik PCR, Rafizi Ramli mendedahkan, bekas Menteri Besar Dr Mohamad Khir Toyo memberi kontrak kepada syarikat Redha Resources Sdn Bhd (RRSB) untuk membina asrama dan pusat pelajar bagi keperluan 6,000 pelajar KUIS dengan nilai RM125.8 juta.

Walaupun bagaimanapun, RRSB hanya menjadi orang tengah dan memberi kontrak itu kepada Bina Puri Holdings Bhd dengan nilai RM96.1 juta.

Rafizi mendakwa RRSB dikuasai oleh Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak yang memiliki 51% pegangan saham manakala isterinya memiliki 6% dan selebihnya dimiliki oleh Bina Puri Holdings Bhd.

Selain itu, Mohamed Khir juga menetapkan RRSB diberi konsesi untuk membina dan menyewakan kembali kemudahan itu selama 33 tahun kepada KUIS dengan kadar sewa RM15.4 juta setahun.

Malah, sepanjang tempoh ini, RRSB akan mendapat durian runtuh sebanyak RM508 juta walaupun kesemua urusan hanyalah atas angin? dan mendapat keuntungan sebanyak 524%.

Sehubungan itu, konsesi sewa asrama ini membebankan pengurusan KUIS dan anggaran sewa yang sepatutnya hanya separuh dari jumlah asal iaitu RM6 juta setahun.